

22 JUN 2002

Mahathir-Reaksi (Komponen)/I

PEMIMPIN PARTI KOMPONEN BN LEGA DR MAHATHIR TARIK BALIK PELETAKAN  
JAWATAN

KUALA LUMPUR, 22 Jun (Bernama) -- Pemimpin-pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN) hari ini menyatakan rasa lega mereka apabila Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bersetuju untuk menarik balik keputusannya meletakkan jawatan sebagai Presiden Umno serta Pengerusi BN.

Presiden MCA Datuk Sri Dr Ling Liong Sik berkata kepimpinan Dr Mahathir masih lagi diperlukan negara untuk tempoh yang lama.

"Syukur. Syukur kepada Tuhan, saya pasti seluruh negara berasa lega sekarang," katanya kepada Bernama ketika dihubungi di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas pengumuman Dr Mahathir itu semasa menggulung perbahasan pada hari terakhir Perhimpunan Agung Umno ke-56 di Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini, petang ini.

Perdana Menteri bagaimanapun bersetuju untuk terus memimpin Umno, kira-kira sejam selepas beliau mengumumkan keputusannya itu, setelah anggota-anggota Majlis Tertinggi Umno berjaya memujuk Dr Mahathir menimbang semula keputusannya.

Timbalan Presiden MCA Datuk Lim Ah Lek berkata doanya dimakbulkan Tuhan apabila Dr Mahathir menimbang keputusannya untuk meletakkan jawatannya.

Menurutnya apabila beliau mendengar pengumuman Dr Mahathir untuk meletakkan jawatannya dalam Umno dan BN, beliau berdoa agar Dr Mahathir menimbang semula keputusan itu kerana negara dan kerajaan masih lagi memerlukan kepimpinannya.

"Negara dan kerajaan masih lagi memerlukan beliau kerana beliau adalah tokoh yang penuh dengan kedinamikan dan dihormati oleh semua kaum di negara ini serta di seluruh dunia," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Lim berkata adalah sukar untuk menggantikan kepimpinan Dr Mahathir dan penarikan balik keputusan beliau meletakkan jawatan menunjukkan bahawa rakyat masih mahu beliau kekal memimpin.

Naib Presiden MCA Datuk Seri Ong Ka Ting pula berkata Dr Mahathir telah

memimpin negara dengan baik dan kepimpinannya masih lagi diperlukan.

"Saya mengucapkan terima kasih kepada beliau kerana menimbang semula keputusannya itu dan apa yang BN perlukan lakukan sekarang ialah bersatu di bawah kepimpinan beliau," katanya.

Seorang lagi Naib Presiden MCA Datuk Chua Jui Meng menyatakan rasa leganya apabila Perdana Menteri bersetuju menarik balik keputusannya itu.

"Kami menganggap beliau sebagai bapa bukan sahaja untuk Umno malah bagi seluruh negara dan sumbangan beliau amat masih diperlukan," katanya.

Sementara itu, Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Velly juga berasa lega dengan keputusan Dr Mahathir untuk kekal menerajui Umno dan BN.

"Kami akan memberi sokongan penuh kepadanya untuk membawa negara bergerak ke hadapan," katanya.

Presiden Gerakan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik berkata parti itu berharap Dr Mahathir akan terus memimpin negara, Umno dan BN untuk tempoh yang lebih lama lagi.

"Negara memerlukannya. Kami memerlukan beliau sebagai pemimpin BN serta negara," katanya ketika dihubungi di Pulau Pinang hari ini.

Beliau berkata Gerakan akan terus memberikan sokongan penuh kepada kepimpinan Dr Mahathir.

Bagaimanapun, kata Lim, rakyat harus menganalisis ucapan Dr Mahathir pada perasmian perhimpunan agung Umno dengan beliau meminta orang Melayu mengubah pemikiran mereka dan bersedia menerima perubahan.

"Gerakan memandang serius apa yang beliau katakan, tidak kira sama ada ia ditujukan kepada masyarakat Melayu kerana ia juga untuk seluruh negara.

"Kita perlu berubah dalam menghadapi cabaran orde baru dunia. Kita harus tukar pemikiran kita untuk menyesuaikan diri kita dalam kedudukan yang lebih baik," katanya.

Sambil menyatakan rasa leganya dengan persetujuan Dr Mahathir menarik balik keputusan meletakkan jawatan dalam Umno dan BN, Lim berkata seluruh negara kini harus melakukan apa yang perlu untuk menjadikan Malaysia negara yang dihormati dan makmur.

Ketua Menteri Sabah Datuk Chong Kah Kiat pula berkata persetujuan Dr

Mahathir menarik balik keputusan peletakan jawatan beliau benar-benar melegakan semua rakyat Malaysia.

Chong, pengerusi BN Sabah, berkata negara masih memerlukan kepimpinan Dr Mahathir.

"Rakyat Malaysia lega apabila beliau menarik balik keputusannya...negara perlukan beliau," katanya dalam satu kenyataan di sini.

Presiden Parti Progresif Penduduk (PPP) Datuk M. Kayveas turut berasa lega dengan persetujuan Dr Mahathir menarik balik keputusannya untuk meletakkan jawatan dalam parti dan BN.

"Kami seluruh rakyat Malaysia memerlukan Perdana Menteri yang amat kita sayangi ini untuk terus memimpin negara dan banyak lagi perkara yang harus dilaksanakan untuk negara tercinta Malaysia, yang memerlukan tunjuk ajar beliau.

"Saya amat percaya bahawa Perdana Menteri akan terus bersama kita, rakyat Malaysia," katanya dalam satu kenyataan malam ini.

Kayveas berkata, beliau berasa amat terkejut dan sedih mendengar pengumuman Dr Mahathir.

Katanya, setiap individu di negara ini berhutang budi kepada Perdana Menteri yang telah banyak membawa perubahan dan berpendapat bahawa inilah masanya rakyat negara ini bersatu dan menunjukkan sokongan utuh kepada Dr Mahathir bagi membalas budinya.

-- BERNAMA  
AFY AFY PR